



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

14 DISEMBER 2017

1. Rezeki Maskobi; Harian Metro
2. Ihsan untuk Abu; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL	☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL
☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR	☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR
☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO	☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO
☒ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME	☐ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME
☐ THE SUN	☐ SUNDAY STAR	☐ THE SUN	
RUANGAN : SEtempat M/SURAT: 37		RUANGAN :	
PERKARA			
☐ DASAR JABATAN	☐ IMPORT EKSPORT	☐ SISTEM KUALITI	☒ PELBAGAI
☐ KESIHATAN AWAM	☐ KAWALAN PENYAKIT	☐ PENGUATKUASAAN	
☐ KEBAJIKAN HAIWAN	☐ TEKNOLOGI VETERINAR	☐ ADUAN	
TARIKH			
14 Disember 2017			

Rezeki maskobi

■ Suri rumah bela 100 itik kutip hasil RM3,000 sebulan



ITIK yang diternak di belakang rumah Zaitun.

Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Bermula hanya dengan suka-suka memelihara 10 itik tiga tahun lalu, seorang wanita kini mampu meraih pendapatan sehingga RM3,000 sebulan hasil jualan telur ternakannya.

Zaitun Hasan, 37, dari Kampung Tengawang di sini, berkata, dia kini membela 100 itik maskobi atau lebih dikenali sebagai itik nila atau serati selain itik kampung yang mampu bertelur hingga 70 biji sehari bergantung kepada makanan diberikan.

Menurutnya, dia memanfaatkan kawasan belakang rumah untuk memelihara itik selain mendapat bantuan Jabatan Veterinar Daerah yang datang ke reban bagi menyembur ubat menghidupkan bau selain kerjasama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

"Menternak itik tidak terlahu cerewet dan hasilnya menguntungkan kerana ia bertelur dua kali sehari jika diberi makanan secukupnya.



FAKTA
Itik bertelur dua kali sehari bergantung kepada makanan diberi

ZAITUN menunjukkan telur itik yang diproses menjadi telur masin.

"Untuk menjamin pengeluaran telur berkualiti saya tidak memberi sisa makanan dari rumah sebaliknya mendapat bekalan dari kantin dengan nasi dan palet atau makanan khas yang dibeli di pasaran," kata ibu empat anak berusia empat hingga 19 tahun itu.

Menurutnya, telur itik diproses sebagai telur masin dan dijual pada harga antara 80 sen hingga RM1 sebiju selain dijual mentah.

Katanya, permintaan terhadap telur masin amat tinggi dan perancangan tahun depan dia ingin menambahkan 100 hingga 200 itik bagi meningkatkan pengeluaran sekali gus memenuhi permintaan.

"Telur masin dipasarkan di sekitar daerah ini tetapi ia belum mencukupi permintaan permulaan tinggi terutama ketika Ramadan.

Bagaimanapun, itik kurang bertelur pada musim tengkujuh, malah permintaannya juga rendah. Sebaliknya apabila tiba musim panas, itik lebih aktif bertelur.

"Pendapatan saya tidak mencecah tetapi ia tidak mengecewakan kerana paling sedikit saya mampu dapat RM1,500 dan paling tinggi mencecah RM3,000 sebulan dengan hanya menternak itik," katanya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL	☐ BERITA HARIAN	☐ THE MALAY MAIL
☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR	☐ UTUSAN MALAYSIA	☐ THE STAR
☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO	☐ SINAR HARIAN	☐ KOSMO
☒ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME	☐ HARIAN METRO	☐ NEW STRAIT TIME
☐ THE SUN	☐ SUNDAY STAR	☐ THE SUN	
RUANGAN : setempat M/SURAT: 24		RUANGAN :	
PERKARA			
☐ DASAR JABATAN	☐ IMPORT EKSPORT	☐ SISTEM KUALITI	☒ PELBAGAI
☐ KESIHATAN AWAM	☐ KAWALAN PENYAKIT	☐ PENGUATKUASAAN	
☐ KEBAJIKAN HAIWAN	☐ TEKNOLOGI VETERINAR	☐ ADUAN	
TARIKH			
14 Disember 2017			

